

13/11/2001

PM tunggu laporan siasatan salah guna wang PPRT

PUTRAJAYA, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad masih menunggu laporan penuh hasil siasatan terhadap salah guna wang Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) yang dikatakan turut digunakan untuk kempen pilihan raya umum 1999 di bahagian tertentu di Kelantan.

Perdana Menteri berkata, soal sama ada benar separuh daripada kira-kira RM40 juta wang PPRT itu digunakan untuk berkempen pilihan raya lalu, perlu ditentukan kesahihannya.

"Saya tak tahulah sebab saya kena tunggu dulu laporan macam itu. Kita kena tentukan sahlah atau tidak. Kadang-kadang sesetengah orang buat macam-macam tuduhan tapi bila kita tanya, tiada bukti...yang itu jadi masalah," katanya selepas majlis perjumpaan dan dialog bersama ulamak/guru takmir masjid peringkat kebangsaan, di sini hari ini.

Beliau mengulas laporan Berita Harian hari ini bahawa siasatan polis terhadap kes salah guna wang PPRT itu mendapati separuh daripadanya digunakan untuk kempen pilihan raya umum 1999 di bahagian tertentu di Kelantan.

Laporan itu yang memetik sumber polis itu menyebut, mereka yang mempunyai kepentingan dipercayai berpakat dengan pihak tertentu di Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan beberapa pihak lain untuk mendapatkan wang program itu.

Ditanya sama ada syarat pemberian PPRT perlu diperketatkan kerana banyak kelemahan termasuk penyelewengan, Dr Mahathir berkata program itu baik tetapi ada pihak mahu menyelewengkannya.

"Ya, kita buat nak bagi betul...(tetapi) orang yang tak betul. Macam mana kita buat pun, dia cari lubang sana, lubang sini, nak menyeleweng," katanya.

Jumaat lalu, polis menahan seorang pengarah syarikat di Pulau Pinang bagi membantu siasatan kes berkenaan. Lelaki berusia dalam lingkungan 40-an itu ditahan reman semalam.

Sementara itu, bekas Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Annuar Musa ketika dihubungi hari ini berkata, beliau akan mengadakan sidang akhbar di ibu negara esok bagi menjelaskan isu itu.

"Saya akan buat penjelasan buat kali pertama esok setelah berdiam diri sekian lama (sejak isu ini dibangkitkan)," katanya.

Ditanya sama ada beliau sudah dipanggil oleh pihak polis dan Badan Pencegah Rasuah (BPR) untuk membantu siasatan, Annuar berkata: "Saya akan bercakap mengenainya esok."

Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob pula ketika ditanya mengenai isu yang sama berkata, beliau belum menerima laporan berkaitan kerana berada di luar negara.

"Kita tunggu dulu, kalau ada siasatan tunggu dulu, kita tak boleh komen," katanya.

(END)